

mode

# Kausalya seronok di penjara

Antara wanita pertama dilantik Timbalan Komisioner

siapa dia

Oleh SITI AIRUNNISA ALAUI  
airunnisa.alau@utusan.com.my



SETIAP hari berhadapan dengan banduan bukan mudah apatah lagi bagi seorang wanita yang sinonim dengan perwatakan lemah lembut dan lebih sensitif berbanding lelaki.

Namun, tidak bagi **Kausalya Devi Sathoo**, satu-satunya wanita India yang memegang jawatan tertinggi di Jabatan Penjara Malaysia apabila bukan sahaja tidak gentar, malah 'seronok' dapat berdepan dengan penghuni tirai besi di Penjara Kajang.

Ini kerana, baginya banduan bukanlah golongan yang perlu disisihkan walaupun segelintir masyarakat memandang serong terhadap mereka.

Beliau percaya setiap manusia akan membuat kesalahan, bezanya bagaimana mereka berubah kepada kehidupan yang lebih baik, itu yang lebih penting.

Oleh itu, penjara merupakan 'rumah' buat mereka untuk menentukan nasib sama ada boleh berubah kepada kebaikan atau sebaliknya.

Akui Kausalya, beliau bangga dapat menjadi sebahagian daripada mereka yang membantu golongan banduan kembali ke pangkal jalan biarpun tidak mudah untuk melaksanakannya.

Ujarnya, beliau merupakan kumpulan

wanita pertama yang diberi peluang menjawat jawatan dalam pengurusan profesional yang sebelum ini dimonopoli oleh golongan lelaki.

Menceritakan bagaimana beliau bermula, ujar ibu kepada tiga cahaya mata itu, beliau tidak pernah terfikir bahawa penjara bakal menjadi tempat untuknya berkhidmat walaupun sangat meminati pasukan beruniform sejak sekolah.

Kausalya, yang melanjutkan pengajian dalam bidang Sains Pembangunan Manusia di Universiti Putra Malaysia (UPM), tidak menyangka permohonan kerja yang dibuat pertama kali sebagai timbalan penguasa penjara akhirnya membawa beliau ke sini sehingga kini.

"Memang ketika awal penglibatan di sini, saya tidak mendapat sokongan daripada saudara mara, hanya suami dan ibu yang menyokong. Mereka membantah kerana berpendapat bahawa penjara bukanlah satu tempat yang baik untuk mencari rezeki.

"Namun, saya tidak kisah dan meneruskan kerjaya saya di sini kerana saya yakin dapat membantu penghuni penjara mengubah kehidupan mereka kepada keadaan yang lebih baik dan menjadi manusia berguna," jelasnya.

Beliau mengakui, bergelar sebagai Timbalan Komisioner Penjara tidak semestinya memerlukan seseorang wanita itu garang ketika berdepan dengan kakitangannya, namun sikap tegas merupakan sikap semula jadi ditonjolkan sebaik sahaja menyarung uniform jabatan itu.

Jelasnya, apa yang penting, seorang

wanita itu perlu bijak menangani isu yang berlaku, selain berani bertindak dalam apa jua tindakan serta membuat keputusan yang tepat pada masa yang betul.

"Saya merupakan antara dua orang wanita pertama yang dinaikkan pangkat dan memegang jawatan sebagai Timbalan Komisioner. Saya rasa syukur dan bangga serta pada masa yang sama saya sedar jawatan yang disandang ini datang bersama amanah yang lebih tinggi untuk dipikul," katanya.

Ditanya tentang pengalaman paling tidak boleh dilupakan, Kausalya berkata, beliau pernah berdepan situasi yang sangat tertekan ketika menguruskan kes Mona Fandey kerana baharu memegang jawatan pegawai perhubungan awam di jabatan berkenaan.

"Ketika itu saya baharu sahaja menjawat jawatan berkenaan dan kes Mona Fandey sangat mendapat perhatian media, jadi saya perlu berdepan dengan kerenah media yang ingin mendapatkan maklumat tentang wanita itu.

"Memang sukar sehinggakan saya berasa tertekan, namun saya bangga kerana dapat menguruskan antara kes yang berprofil tinggi di negara ini dalam satu pasukan di Jabatan Penjara. Saya juga mendapat bantuan dan sokongan daripada rakan-rakan yang mempunyai berbagai pengalaman dan pengetahuan," jelasnya.

Kausalya juga merupakan individu yang memperkenalkan program Sambutan Hari Ibu di Penjara Wanita Kajang bermula Mei 2005 bertujuan mendekatkan diri banduan dengan ibu mereka.

Biarpun pada awalnya idea tersebut mendapat reaksi pelbagai daripada pihak pengurusan kerana bimbang ahli keluarga yang datang ke penjara termasuk kanak-kanak berdepan dengan risiko keselamatan, akhirnya Ketua Pengarah Penjara ketika itu meluluskan program tersebut.

Kausalya percaya program tersebut mampu memberi impak yang besar dalam mengeratkan hubungan kekeluargaan yang merupakan antara faktor utama dalam pemulihan serta pembangunan diri banduan.

"Program ini mendapat perhatian jabatan dan Kementerian Dalam Negeri

KAUSALYA DEVI SATHOO



sehingga mendapat pujian dari Timbalan Menteri Dalam Negeri. Pada mulanya program ini diadakan di Penjara Kajang sahaja, namun selepas mendapat maklum balas yang positif, program tersebut mula diadakan di penjara-penjara lain di seluruh Malaysia dengan melibatkan lebih ramai banduan," jelas beliau yang pernah menjadi tenaga pengajar di Maktab Penjara Malaysia yang dikhususkan untuk melatih pegawai-pegawai kanan penjara.

Dalam pada itu, beliau turut mengingatkan masyarakat supaya memberi peluang kedua kepada golongan banduan yang telah kembali ke pangkal jalan agar mereka dapat meneruskan hidup seperti sedia kala.

Jelasnya, jika masyarakat tidak dapat menerima kehadiran mereka, golongan berkenaan sangat mudah kembali kepada keadaan lama, iaitu kancah jenayah kerana merasakan kehadiran mereka tidak diterima.

"Sudah menjadi tanggungjawab saya untuk memberitahu pada masyarakat tentang peranan penjara kerana terlalu banyak perkara masyarakat tidak tahu mengenai tempat ini.

"Harapan saya agar penghuni yang telah diberikan latihan dan pemulihan dapat bangkit semula untuk membuktikan diri mereka mampu kembali berbakti kepada keluarga, masyarakat dan negara," katanya lagi semasa mengakhiri temubual.



PENJARA bukan sekadar tempat untuk menghukum malah menjadi tempat untuk banduan mencari peluang kedua. - GAMBAR HIASAN